

TOP SECRET
CONFIDENTIAL
CLASSIFIED



Centre for Independent Journalism (CIJ) merupakan organisasi feminis bukan berasaskan keuntungan yang memantau kebebasan bersuara dan bercita-cita untuk mewujudkan sebuah masyarakat demokratik, adil dan bebas; serta dapat menikmati kebebasan untuk bersuara, mencari dan menyebarkan maklumat; selain media yang tidak dibungkam.

Centre for Independent Journalism Malaysia

L13A-1, Menara Sentral Vista
150, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Malaysia

E-mel: cijmalaysia@gmail.com

Laman web: <https://cijmalaysia.net>

Facebook: <https://www.facebook.com/CIJ.MY>

Twitter: https://twitter.com/CIJ_Malaysia

Instagram: https://www.instagram.com/cij_malaysia

YouTube: <https://www.youtube.com/cijmalaysia>

Centre for Independent Journalism © 2021. Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada laporan ini boleh disalin atau diduakan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya melalui sebarang cara, tanpa mendapat persetujuan daripada CIJ terlebih dahulu.

Beberapa gambar dalam laporan ini mungkin mempunyai hak cipta atau hak milik orang lain. Dalam kes sedemikian, pengakuan hak cipta atau sumber tersebut telah dinyatakan.

Pengarang

Shukri Bin Ahmad Shahizam

Penyunting

Wathshlah Naidu

Louis Liaw

Pereka Letak

Joelle Majanil

Diterbitkan di Kuala Lumpur pada Disember 2021.



Penghargaan

CIJ telah menugaskan Shukri Bin Ahmad Shahizam untuk menulis kertas cadangan ini.

Kertas kerja ini dihasilkan secara libat-urus bersama kumpulan perundingan Right to Information (RTI) yang diselaraskan oleh Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ). CIJ ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan panel: Dr. Mohd Khairie Ahmad, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teknologi Media dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia; Dr. Ngo Sheau Shi, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia; Dr. Sonia Randhawa, Pengarah, Centre for Independent Journalism (CIJ); Kuek-Ser Kuang Keng, Pengasas, Data-N; Louis Liaw Vern Xien, peguam (penyelesaian pertikaian); Low Chia Ming, Wartawan Kanan, Malaysiakini, dan Wathshlah Naidu, Pengarah Eksekutif, Centre for Independent Journalism (CIJ)

Membina Hak Mendapatkan Maklumat di Malaysia

Ringkasan Eksekutif	1
Bahagian 1: Keadaan Perundangan sedia ada	2
Akta Rahsia Rasmi 1972	2
Pengelasan	3
Kuasa untuk Mengelaskan	3
Klausula Penyingkiran	3
Percanggahan dengan Hak Mendapatkan Maklumat	4
Jadual “Rahsia Rasmi”	5
Percanggahan dengan Hak Mendapatkan Maklumat	6
Bahagian 2: Cadangan Penambahbaikan	7
Premis Penambahbaikan	7
Struktur Cadangan Perundangan	7
Cadangan Kerangka	8
Peruntukan untuk disertakan ke dalam Akta Hak untuk Bermaklumat	9
Premis	9
Hak untuk Akses kepada Maklumat yang dipegang oleh Penguatkuasa Awam	10
Pindaan Kanun Keseksaan bagi Membantu Pemberi Maklumat	
Lampiran 1: Teks Legislatif Yang Dicapangkan bagi Akta Hak Mendapatkan Maklumat (RTIA) di Malaysia (Draf RUU Model CSO November 2019)	
Mewujudkan Hak Mendapatkan Maklumat	
Mukadimah	
Hak Akses Mendapatkan Maklumat	
Pengecualian	
Penambahbaikan Akta Rahsia Rasmi	
Mewujudkan Suruhanjaya Maklumat	
Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972	
Pindaan kepada Peruntukan Jenayah	

Ringkasan Eksekutif

Pihak kerajaan mempunyai serta melaksanakan kuasa mereka atas kepercayaan rakyat. Oleh yang demikian, maklumat yang dicipta dan berada dalam simpanan mereka, berkenaan bagaimana mereka menjalankan tugas seharusnya tidak menjadi milikan mereka sahaja. Sebaliknya maklumat tersebut harus dipertanggungjawabkan sebagai amanah oleh orang awam. Keupayaan untuk mendapat akses terhadap maklumat adalah mekanisme kebertanggungjawaban politik yang mustahak bagi demokrasi yang sihat, termasuk membantu melindungi hak kebebasan bersuara yang dijamin perlembagaan.¹ Undang-undang Hak Mendapatkan Maklumat menyumbang ke arah prinsip ini dengan mempertanggungjawabkan pihak berkuasa untuk mendedahkan maklumat yang mereka miliki.

Di Malaysia, keberkesanan terhadap segala bentuk undang-undang hak mendapatkan maklumat dihalang oleh budaya berahsia dalam kalangan pentadbir awam. Budaya ini diperkukuhkan secara legislatif melalui undang-undang yang memberikan penjawat awam kuasa yang luas untuk mengklasifikasi maklumat dan menjadikan sesuatu maklumat yang diklasifikasikan tidak boleh didedahkan.

Justeru, pembentukan sistem Hak Mendapatkan Maklumat yang sesuai memerlukan pelaksanaan tiga objektif utama. Pertama, ia harus mewujudkan undang-undang hak mendapatkan maklumat yang substantif serta mewujudkan kerangka yang menaungi pelaksanaan dan perlindungannya. Kedua, pembentukan hak-hak perundangan tersebut harus disusun bersama dengan pindaan terhadap peruntukan dalam Akta Rahsia Rasmi. Akhir sekali, penambahbaikan ini haruslah mendatangkan kesan yang bermakna bagi menggantikan budaya berahsia dengan budaya keterbukaan.

Laporan ini cuba untuk menyediakan asas bagi mencapai kesemua objektif tersebut melalui penambahbaikan terhadap undang-undang primer. Bahagian 1 akan meninjau kerangka perundangan sedia ada, dengan tumpuan khusus kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Analisis terhadap bagaimana undang-undang sedia ada menyumbang ke arah budaya berahsia dan menjadi penghalang kepada hak mendapatkan maklumat turut dibincangkan. Bahagian 2 mengusulkan beberapa pembaharuan bagi merangka hak mendapatkan maklumat berdasarkan prinsip-prinsip yang sudah diiktiraf di peringkat antarabangsa serta pindaan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972 agar selaras dengan hak mendapatkan maklumat.

¹ Ashraf Shaharudin, *Open Government Data: Principles, Benefits and Evaluations* (Khazanah Research Institute Discussion Paper 12/20).

Bahagian 1:

**SITUASI
PERUNDANGAN
SEDIA ADA**

TOP SECRET
CONFIDENTIAL
CLASSIFIED

Bahagian 1: Situasi Perundangan Sedia Ada

Hak mendapatkan maklumat adalah hak orang awam untuk mendapatkan akses terhadap maklumat yang dibentuk dan dimiliki oleh pihak berkuasa awam dalam setiap cawangan kerajaan di semua peringkat. Justifikasi utama bagi perkara ini adalah keperluan untuk memastikan pihak berkuasa awam, yang diberikan kuasa melalui undang-undang, bekerja secara telus dan boleh dipertanggungjawabkan atas setiap tindakan mereka. Dalam hal kebertanggungjawaban, perkara ini memainkan peranan penting dalam menjadi landasan bagi wacana politik agar suasana demokrasi yang sihat dapat dibina. Seperti yang diakui Abid Hussain (2000, Pelapor Khas PBB berkenaan promosi dan perlindungan terhadap hak untuk kebebasan berpendapat dan bersuara:

Hak untuk mencari dan mendapatkan akses terhadap maklumat adalah salah satu elemen terpenting bagi kebebasan bersuara dan berucap. Kebebasan akan kurang berkesan sekiranya rakyat tidak mempunyai akses kepada maklumat. Akses kepada maklumat adalah perkara asas bagi gaya hidup demokratik.

Pelaksanaannya sebagai sebuah hak yang dijamin undang-undang terletak pada tuntutan ke atas pihak berkuasa awam untuk mendedahkan maklumat yang dipohon, melainkan maklumat tersebut termasuk dalam kategori tertentu yang berkecuali.

Akta Rahsia Rasmi 1972

Di Malaysia, secara amnya kewajiban untuk mendedahkan maklumat bercanggah dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), yang membolehkan pegawai kerajaan untuk menjadikan sebarang pendedahan maklumat yang dikelaskan sebagai 'rahsia rasmi' sebagai satu kesalahan.

Sekali imbas, OSA kelihatan mempunyai dua dimensi yang berbeza. Pertamanya, kebanyakan peruntukan tertumpu kepada mensabitkan kesalahan bagi kegiatan pengintipan, seperti yang terlihat dalam seksyen 3, 4, 7, 7A, 7B, 8, 9, 13, dan 14. Peruntukan-peruntukan ini membentuk keseluruhan Akta, yang diluluskan pada 1972 dan dipinda pada 1984.²

Malah, aspek OSA yang biasa difahami sebagai undang-undang yang mengklasifikasikan kebanyakan maklumat kerajaan sebagai 'rahsia rasmi' hanya wujud selepas pindaan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 (Akta A660). Secara khusus, peruntukan-peruntukan utama –

² Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1984 (Akta A573).

semuanya diperkenal dan dipinda pada 1986 – yang akan perlu dipinda agar OSA konsisten dengan hak mendapatkan maklumat adalah:

- Seksyen 2: Yang mendefinisikan maksud ‘rahsia rasmi’ dan memperkenalkan Jadual
- Seksyen 2B: Yang memberikan kuasa bagi pengklasifikasiandokumen sebagai ‘rahsia rasmi’
- Seksyen 16A: Yang memberi imuniti daripada siasatan undang-undang di bawah Seksyen 2B.
- Jadual: Yang menyenaraikan kelas maklumat yang dianggap sebagai ‘rahsia rasmi’

Pengelasan

Rejim OSA berkaitan dengan pengelasan dokumen terletak pada seksyen 2B dan 16A. Kedua-duanya membentuk satu sistem yang memberikan kuasa kepada pihak eksekutif menjadikannya kesalahan untuk memiliki dan/atau mendedahkan mana-mana maklumat, di mana tiada limitasi wajar dikenakan pada kuasa tersebut.

Kuasa untuk Mengelaskan

Seksyen 2B memberikan kuasa kepada pihak berkuasa awam untuk mengelaskan maklumat. Ia menyatakan:

Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau bahan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan.

Sepertimana yang disebutkan, kuasa mengelaskan maklumat tidak terhad kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di bawah perundangan negeri dan persekutuan (dan tentunya orang awam juga), malah ‘mana-mana pegawai awam’ yang dilantik mereka.

Klausula Penyingkiran

Kuasa pengelasan mempunyai imuniti daripada disiasat oleh mahkamah melalui seksyen 16A, yang juga merupakan ‘klausula keterangan konklusif’ dan juga ‘klausula penyingkiran’. Ianya mempunyai kesan untuk menangkis sebarang cabaran terhadap penggunaan kuasa pengelasan di mahkamah dengan tidak mewajibkan pihak berkuasa awam untuk memenuhi syarat-syarat, di bawah undang-undang pentadbiran, iaitu untuk mengemukakan asas fakta bagi penggunaan kuasa tersebut.

Sungguhpun semakin kehakiman boleh dibuat terhadap penggunaan kuasa tersebut melalui asas yang berbeza, misalnya alasan niat tidak baik, namun hal ini adalah sesuatu yang berkecuali kerana dasar utama bagi semakin kehakiman adalah untuk menentukan kesahihan dari segi undang-undang dan kewajaran penggunaan kuasa oleh pihak berkuasa awam. Dengan meletakkan asas fakta bagi kuasa pengelasan di peringkat terawal, makanya semakin tidak dapat dijalankan, justeru, kesan umum bagi Seksyen 16A adalah untuk meminimumkan sebarang peluang untuk mencabar penggunaan kuasa pengelasan, serta menyingkirkan sebarang bentuk kekangan terhadap kuasa pengelasan yang ada.³ Meskipun wujud panduan dalaman yang tidak didedahkan berkenaan dengan jenis-jenis pengelasan yang diiktiraf dalam seksyen 2B,⁴ tidak wujud perbezaan secara undang-undang yang formal antara mereka.⁵ Panduan tersebut tidak mengatasi seksyen 16A, yang kewujudannya jelas bercanggah dengan sebarang syarat dalam seksyen 2B yang menyebutkan bahawa kuasa yang diterapkan mestilah berpandukan kriteria yang objektif dan boleh dikuatkuasakan.

Percanggahan dengan Hak Mendapatkan Maklumat

Ketiadaan remedi undang-undang

Harus diingatkan semula bahawa sebelum penambahan seksyen 2B dan 16A pada tahun 1986, rejim Akta sudah sedia memberat kepada eksekutif. Sebelum wujudnya kuasa untuk mengelaskan maklumat, soal kerahsiaan bagi sesuatu maklumat ditentukan melalui pentafsiran undang-undang terhadap maksud 'maklumat rahsia' dan 'dokumen rahsia'.

³ Harus disebutkan bahawa asbab berperlembagaan bagi klausa penyingkiran ini sudah kerap kali dipertikaikan. Prinsip dasar bagi pertikaian ini termaktub dalam kenyataan Raja Azlan Shah sewaktu menjawat jawatan hakim mahkamah: *'Unfettered discretion is a contradiction in terms ... Every legal power must have legal limits, otherwise there is dictatorship'* (*Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan v Sri Lempah Enterprises* [1979] 1 MLJ 135, 148).

Baru-baru ini juga, tumpuan perundangan adalah berkenaan Perkara 121 dalam Perlembagaan Persekutuan, yang meletakkan kuasa kehakiman persekutuan pada pihak hakim, dan perkaitannya dengan keperluan semakin mahkamah bagi tindakan legislatif dan eksekutif. Masih belum ada kes yang konklusif yang menentukan klausa penyingkiran adalah tidak selaras dengan perlembagaan, namun wujud banyak pandangan yang kuat, dalam kalangan majoriti dan penilaian yang berlawanan, yang bersetuju dengan hal ini.

Lihat, e.g., *Indira Ghandi v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* [2018] 1 MLJ 545, [132] (Zainun Ali FCJ); *Maria Chin Abdullah v Ketua Pengarah Imigresen* [2021] 1 MLJ 750, [98] (Tengku Maimun CJ), [360] (Nallini Pathmanathan FCJ); *Zaidi Kanapiah v ASP Khairul Fairoz* [2021] 3 MLJ 759, [340] (Rhodzariah Bujang FCJ).

⁴ Center to Combat Corruption and Cronyism, *Position Paper on the Official Secrets Act: Repeal, Review or Stay? Moving from Secrecy to Governance* (2016), page 6.

⁵ Wujud kebarangkalian untuk ianya menjadi faktor yang akan dibentangkan kepada hakim yang hendak menjatuhkan hukuman terhadap salah laku berkaitan dengan maklumat rahsia, e.g. seksyen 8.

Sepertimana dilihat pada kes *Lim Kit Siang* dan *Datuk Haji Dzulkifli* pada tahun 1979 dan 1980, istilah tersebut ditafsir secara meluas, dan maklumat yang terlibat adalah rahsia kerana ianya datang daripada kerajaan, namun tidak diberitahu secara rasmi kepada individu yang memiliki maklumat tersebut.⁶

Maka, kesan seksyen 2B sekiranya dibaca bersama dengan seksyen 16A menjadikan rejim lebih cenderung kepada eksekutif dengan mencabut asas perlindungan minimal yang wujud melalui budi bicara mahkamah terhadap penggunaan istilah tersebut. Dalam sistem sekarang, beban fakta bagi pendakwa berhubung dengan 'kerahsiaan' sesuatu maklumat hanya perlu merujuk kepada peruntukan yang digariskan di bawah seksyen 2B.

Peruntukan pengelasan OSA menyediakan radas untuk eksekutif menyekat keberkesanan undang-undang hak mendapatkan maklumat. Walaupun permohonan maklumat selain dalam kategori yang tidak boleh didedahkan boleh dibuat, kerajaan atau pihak berkuasa dibolehkan mengelaskan maklumat tersebut sebagai rahsia rasmi, serta menjadikannya satu kesalahan bagi individu untuk menyampaikan atau menerimanya.

Kaedah kategorikal bagi OSA dalam menyerahkan kuasa budi bicara kepada eksekutif bermaksud seksyen 2B dan 16A hampir mustahil untuk ditafsir semula dalam mahkamah agar selari dengan prinsip hak mendapatkan maklumat. Oleh itu, perlu untuk pindaan secara terus bagi menghilangkan sebarang risiko yang berupaya menyekat keberkesanan hak mendapatkan maklumat.

Kekurangan kebertanggungjawaban politik

Struktur kuasa pengelasan menyediakan skop yang sangat minima bagi kebertanggungjawaban politik. Pertamanya, dan hal ini yang terpenting, kuasa mengelas tidak terhad hanya kepada pegawai awam yang diberi mandat politik melalui peti undi dan/atau parlimen. Sungguhpun Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri dikurniakan kuasa pengelasan, mereka boleh melantik pegawai awam untuk menjalankan kuasa tersebut menurut pertimbangan masing-masing. Peruntukan ini membolehkan ahli eksekutif di peringkat persekutuan dan negeri untuk berlepas tangan dengan menggunakan alasan kuasa tersebut dilaksanakan oleh penjawat awam.

⁶ *Lim Kit Siang v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 293; *Datuk Haji Dzulkifly bin Datuk Abdul Hamid v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 112.

Bukan sahaja itu, prosedur bagi pengelasan maklumat tidak kondusif untuk kebertanggungjawaban politik. Apabila sesuatu dokumen dikelaskan, satu-satunya maklumat yang ada hanyalah sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 16A. Namun, seksyen 2B dan seksyen 16A tidak memerlukan sebarang maklumat substantif disertakan dalam sijil tersebut; ia hanyalah merupakan satu deklarası. Hal ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa undang-undang sedia ada tidak mengambil kisah akan justifikasi substantif dalam mengelaskan maklumat. Namun, sekiranya diteliti lebih mendalam, ia turut membantu mengelak kebertanggungjawaban kerana tiada rekod rasmi yang boleh didedahkan bagi menjelaskan sebab mengapa sesuatu maklumat itu dikelaskan dengan kelas tertentu, dan hal ini membolehkan pihak eksekutif untuk mengemukakan pelbagai alasan yang tidak jujur.

Jadual 'Rahsia Rasmi'

Dimensi kedua bagi rejim Akta Rahsia Rasmi yang bercanggah dengan prinsip hak mendapatkan maklumat adalah Jadual Akta. Jadual adalah kaedah kedua bagi OSA untuk mengelaskan sesuatu maklumat sebagai rahsia; kandungan yang termasuk dalam kategori tersebut akan dianggap sebagai 'rahsia rasmi'. Isi kandungan Jadual boleh dipinda melalui proses legislatif sedia ada, ataupun melalui perintah Menteri di bawah seksyen 2B.

Pada ketika ini, Jadual tersebut menyenaraikan dokumen yang dianggap sebagai rahsia rasmi dan tidak memerlukan pensijilan di bawah seksyen 2B:

- Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Jemaah Menteri;
- Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- Dokumen berkaitan dengan keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa.

Percanggahan dengan Hak Mendapatkan Maklumat

Kewujudan Jadual dan Seksyen 2A turut menimbulkan masalah yang sama seperti yang disebutkan berkaitan dengan kuasa pengelasan di bawah Seksyen 2B. Tambahan lagi, bantahan lanjut terhadap pembentukan rahsia rasmi melalui Jadual adalah ketiadaan syarat-syarat praktikal dan undang-undang yang boleh digunapakai oleh penguatkuasa awam dalam menentukan kelas sesuatu maklumat.

Pengelasan berdasarkan kategori juga menghilangkan kebertanggungjawaban yang lebih sesuai diamalkan sekiranya tanggungjawab mengelaskan maklumat melalui pelantikan.

Ketika ini, apabila sesuatu maklumat itu disifatkan sebagai rahsia berdasarkan kategori tertentu, tiada penjawat awam yang boleh dipertanggungjawabkan bagi pengelasan yang dibuat. Malahan, orang awam diberikan alasan oleh penjawat awam bahawa pendedahan sesuatu maklumat tidak boleh dibuat kerana ianya termaktub dalam Jadual. Hal ini bertambah teruk melalui kategori ketiga dalam Jadual, i.e '*Dokumen berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa*', kerana skopnya yang meluas bermaksud mana-mana dokumen boleh ditafsir oleh pegawai awam untuk berada dalam kategori tersebut.

Akhir sekali, prinsip pentadbiran demokratik bermaksud pihak legislatif yang dilantik lebih layak untuk menggariskan had bagi hak-hak yang ada. Prinsip ini terkandung dalam struktur kebebasan asasi dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Hujah yang mengatakan Jadual dalam Akta mampu menghadkan hak mendapatkan maklumat melalui kegiatan legislatif yang dilantik secara demokratik adalah tidak benar. Hal ini kerana sungguhpun Jadual itu sebahagian daripada Akta, ia boleh dipinda oleh pihak eksekutif melalui Perintah Menteri di bawah seksyen 2B. Bahkan, berbeza dengan seksyen 2B, klausa penyingkiran tidak wujud, maka prinsip undang-undang pentadbiran bagi menentukan kesahan sesuatu perintah tetap harus tunduk pada eksekutif serta mengenakan syarat yang tinggi untuk disabitkan sebagai tidak sah.

Bahagian 2:

**CADANGAN-
CADANGAN
PENAMBAHBAIKAN**

TOP SECRET
CONFIDENTIAL
CLASSIFIED

Bahagian 2: Cadangan-Cadangan Penambahbaikan

Dalam mencadangkan penambahbaikan bagi merangka hak mendapatkan maklumat dan meminda OSA, bahagian ini akan terlebih dahulu menggariskan premis dan struktur penambahbaikan yang dicadangkan, diikuti dengan perincian peruntukan perundangan yang harus disertakan dalam Akta Parlimen untuk menguatkuasakan penambahbaikan tersebut. Gambaran kerangka peruntukan tersebut boleh didapati di bahagian Lampiran.

Premis Penambahbaikan

Berdasarkan analisis dalam Bahagian 1 dan Kertas Justifikasi, penggubalan hak mendapatkan maklumat harus disertakan bersama penambahbaikan yang signifikan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972. Tanpa penambahbaikan tersebut akan wujud konflik legislatif terhadap kewajiban pendedahan dan rejim kerahsiaan akan terus berleluasa, dan prinsip serta amalan hak mendapatkan maklumat juga akan terjejas.

Penambahbaikan yang dicadangkan dalam bahagian ini menerapkan Prinsip-Prinsip Perundangan Hak Mendapatkan Maklumat oleh ARTICLE 19,⁷ dan juga, secara hampir keseluruhannya, turut menerapkan kesimpulan kajian perbandingan CIJ berkenaan dengan legislasi hak mendapatkan maklumat.⁸ Ia turut mengambil kira cadangan-cadangan yang terdapat dalam draf 'Enakmen Kebebasan Maklumat 2009' oleh pertubuhan masyarakat sivil dan 'RUU Hak Mendapatkan Maklumat' yang terkini.

Struktur Undang-undang Cadangan

Kesemua penambahbaikan ini harus disempurnakan dalam satu Akta Parlimen yang bakal dirujuk sebagai 'Akta Hak Mendapatkan Maklumat'. Akta ini harus dipisahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membentuk undang-undang hak mendapatkan maklumat yang substantif, manakala bahagian kedua menyentuh pindaan OSA agar peruntukannya selaras dengan rejim hak mendapatkan maklumat.

Manfaat utama untuk menggubal pembaharuan ini dalam satu Akta adalah untuk memastikan kedua-dua bahagian ini sukar untuk dipisahkan, serta mengurangkan kadar kritikan politik yang berkemungkinan akan terjadi sekiranya Akta yang berasingan dikemukakan untuk meminda struktur OSA. Dari sudut undang-undang, pendekatan satu Akta juga membolehkan

⁷ *The Public's Right to Know: Principles on Right to Information Legislation* (Article 19, 2016).

⁸ Priscilla Chin, *Comparative Study: Structures and Status of Implementation of RTI Legislations (Afghanistan, India, Indonesia, Sri Lanka, Australia, United Kingdom)* (CIJ 2019).

seksyen Pendahuluan dan 'Tujuan' dalam Akta tersebut digunakan dengan lebih berkesan, serta menjadi relevan sewaktu Akta tersebut ditafsir di mahkamah.

Pendekatan alternatif satu Akta juga adalah untuk menggubal semula peruntukan OSA untuk dimasukkan ke dalam Akta Hak Mendapatkan Maklumat. Melalui pendekatan ini, bahagian kedua Akta tidak akan meminda OSA. Sebaliknya, ia akan memansuhkan OSA secara keseluruhan, dan mengemukakan peruntukan yang baharu yang kemudiannya diserap bersama beberapa pindaan. Namun, pendekatan ini hanya memberikan nilai tambah yang sedikit berbanding dengan pendekatan pindaan. Terutamanya apabila ia memerlukan lebih banyak modal politik untuk menghujahkan pemansuhan OSA, meskipun hakikatnya bahagian anti-pengintipan masih kekal dengan bentuk yang sama. Tambahan lagi, keseimbangan berkenaan dengan pengekalan OSA memungkinkan mahkamah untuk menerapkan pendekatan interpretif yang tidak mengambil kira kesan yang diniatkan melalui pindaan dapat diatasi dengan memasukkan peruntukan tafsiran yang menyatakan OSA harus dibaca bersama dengan Hak Mendapatkan Maklumat dan terikat dengan hak-hak yang terkandung di dalamnya.

Cadangan Kerangka

Penambahbaikan Yang dicadangkan menerima justifikasi yang meyakinkan untuk melindungi hal-hal keselamatan negara dan mensabitkan kesalahan bagi kegiatan pengintipan. Justeru, ia tidak mencadangkan pemansuhan peruntukan asal anti-pengintipan dalam OSA. Sebaliknya, ia menumpukan pembinaan kerangka dalaman yang menyertakan hak mendapatkan maklumat substantif, dan pengecualian bagi maklumat terkelas. Namun, kuasa pengelasan perlu ditambah baik bagi menggalakkan kebertanggungjawaban politik dan undang-undang dalam pelaksanaannya, serta untuk memastikan ianya tidak boleh digunakan bagi menyekat keberkesanan hak mendapatkan maklumat. Melalui kerangka ini, peruntukan OSA yang menyentuh hal-hal berkaitan dengan pengintipan kebanyakannya tidak akan digubal semula.

Rejim hak mendapatkan maklumat yang dicadangkan dibentuk sekitar tanggungjawab umum untuk mendedahkan sesuatu maklumat apabila diminta, dan pengecualiannya berdasarkan undang-undang yang ditetapkan melalui tiga bahagian ujian. Ujian ini terpakai untuk menafikan pendedahan atau pengelasan awal dengan syarat ia menepati salah satu daripada kriteria berikut: (1) tujuan yang sah dan diiktiraf; (2) bahaya akan berlaku sekiranya maklumat tersebut tidak dikelaskan dan/atau didedahkan; dan (3) kepentingan awam untuk mengelaskan dan/atau tidak mendedahkan sesuatu maklumat lebih tinggi daripada kepentingan awam untuk mendedahkannya.

Peruntukan untuk disertakan dalam Akta Hak Mendapatkan Maklumat

Pendahuluan

Tujuan

Seksyen 17A Akta Tafsiran 1967/1948 memerlukan mahkamah untuk mengambil kira tujuan bagi penggubalan sesuatu undang-undang. Secara umumnya, ketepatan bagi tujuan di sebalik sesuatu Akta dibuat melalui tafsiran mahkamah terhadap undang-undang tersebut. Pernyataan tujuan bagi sesuatu Akta secara jelas boleh mengurangkan ketidakpastian akan maksud sebenar sesuatu undang-undang oleh mahkamah serta melawan arus perkembangan terkini dalam undang-undang kes yang lebih menekankan pendekatan tekstual berbanding pentafsiran statut, yang selalunya cenderung kepada kuasa eksekutif dan menjejaskan perlindungan hak-hak asasi.⁹

Bagi Akta Hak Mendapatkan Maklumat, bahagian tujuan harus menyatakan bahawa Akta tersebut mengasaskan hak untuk akses kepada maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa, dan sebarang pengecualian harus dibaca dan ditafsir selari dengan asas hak yang terkandung dalam Akta tersebut. Tambahan lagi, kepentingan menyeluruh Akta ini boleh dijelaskan dengan tambahan subseksyen yang menyatakan undang-undang lain harus ditafsir secara konsisten dengan Akta.¹⁰

Mukadimah

Seksyen 15 Akta Tafsiran 1967/1948 juga menyatakan bahawa mukadimah bagi sesuatu Akta 'akan ditafsir dan mempunyai kesan sebagai sebahagian daripada Akta', maka adalah relevan ketika mentafsir seksyen-seksyen yang substantif. Tatkala bahagian yang menggariskan tujuan Akta Hak Mendapatkan Maklumat menyatakan sebab-sebab pindaan undang-undang yang terkandung dalam Akta, mukadimah pula menggariskan rangka keseluruhan Akta, serta menjelaskan bagaimana setiap bahagian itu berhubung kait.

Berhubung dengan Akta Hak Mendapatkan Maklumat, mukadimah seharusnya menggariskan tiga bahagian bagi struktur akta: (1) Hak Mendapatkan Maklumat digubal; (2) pelaksanaannya dipantau oleh Suruhanjaya Maklumat; (3) penggubalan ini diberi kesan lanjutan melalui pindaan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Kanun Keseksaan.

⁹ Lihat , e.g., *Tebin bin Mostapa v Hulba-Danyal bin Balia* [2020] 4 MLJ 721, [30] (Vernon Ong FCJ).

¹⁰ Lihat , e.g. pendekatan yang digunakan di n Sri Lanka seperti mana dalam seksyen 4 bagi Akta Hak Mendapatkan Maklumat, No. 12 tahun 2016.

Tafsiran

Seksyen tafsiran seharusnya mendefinisikan istilah-istilah utama untuk mengangkat tujuan hak mendapatkan maklumat. Antara istilah yang paling penting adalah ruang lingkup tafsiran 'pihak berkuasa awam', yang disenaraikan sebagai: Dewan Rakyat; Dewan Negara; Badan Kehakiman dan undang-undang; perkhidmatan undang-undang negeri; Menteri, termasuk Perdana Menteri; kesemua kementerian dan jabatan dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri; pihak berkuasa tempatan; Dewan Undangan Negeri; ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri, termasuk Menteri Besar dan Ketua Menteri; syarikat milik kerajaan; sesiapa yang mempunyai peranan awam; sesiapa yang menerima dana daripada pihak berkuasa awam bagi menjalankan tugas awam yang bertujuan untuk kepentingan masyarakat; sebarang badan yang ditubuhkan melalui Perlembagaan atau mana-mana undang-undang; dan sebarang organisasi yang dimiliki atau dikawal oleh pihak berkuasa awam.

Hak untuk Akses kepada Maklumat oleh Pihak Berkuasa

Struktur Hak

Hak mendapatkan maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa seharusnya dirangkumkan sebagai sebahagian tugas mereka untuk mendedahkan maklumat apabila diminta. Bagi memastikan proses pengecualian diperincikan sebaik mungkin, dan pendedahan maklumat yang dimaksimumkan secara menyeluruh, perbezaan harus digariskan antara tugas untuk mendedahkan maklumat substantif yang diminta, dan tugas untuk mendedahkan sama ada pihak berkuasa mempunyai maklumat yang diminta (disebut oleh Akta Kebebasan Maklumat 2000 UK ('UK FOIA') sebagai 'tugas untuk mengesahkan atau menafikan').

Tumpuan ke atas tugas untuk mendedahkan maklumat apabila diminta, berbanding dengan tugas untuk mendedahkan maklumat secara proaktif, adalah untuk memastikan kejelasan tentang tanggungjawab yang dikenakan oleh maksud umum hak mendapatkan maklumat. Ianya mengurangkan kadar potensi rintangan dengan alasan bahawa hak tersebut membentuk tanggungjawab yang tidak boleh disempurnakan atau tidak menentu terhadap pihak berkuasa yang boleh dibangkitkan akibat tafsiran yang abstrak bagi tugas untuk mendedahkan maklumat. Meskipun begitu, pembentukan tanggungjawab yang konkrit dalam bentuk ini tidak mengambil alih pembentukan tanggungjawab yang berasingan untuk mendedahkan maklumat secara proaktif, yang berada di luar skop laporan ini.

Akhir sekali, pengecualian bagi ketersediaan dan penerbitan terancang harus dimasukkan sekali ke dalam skop tanggungjawab tersebut, daripada hanya mengintegrasikannya dengan cara yang sama seperti pengecualian yang lain. Hal ini kerana keengganan untuk

mendedahkan atas alasan-alasan tersebut tidak memerlukan justifikasi dengan merujuk kepada matlamat sah dan marabahaya yang serius.

Struktur Pengecualian

Kesemua pengecualian harus dibingkai supaya ia boleh menjalani ujian tiga-peringkat. Teks undang-undang itu sendiri seharusnya menyediakan 'matlamat sah' yang menyeluruh serta pengelasan maklumat yang terperinci yang boleh dikecualikan. Dalam kesemua kes, sebarang penolakan bagi sesuatu permintaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat keperluan kepentingan awam dan marabahaya yang serius. .

Senarai pengecualian

Setiap pengecualian seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya satu matlamat sah, dan tiap satunya boleh dijustifikasikan melalui beberapa pengecualian berasingan.. Tujuan bagi pernyataan matlamat sah dalam pengecualian adalah untuk memastikan sebarang tafsiran pengecualian, sama ada oleh pihak berkuasa awam, Suruhanjaya, atau mahkamah, harus mempunyai rujukan yang tetap, serta melindungi daripada perluasan yang keterlaluan dalam skop pengecualian.

Matlamat sah yang diiktiraf adalah:

- (a) *Kegiatan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan;*
- (b) *Perlindungan privasi individu;*
- (c) *Perlindungan keselamatan negara;*
- (d) *Perlindungan kerahsiaan komersial;*
- (e) *Perlindungan keselamatan awam atau individu;*
- (f) *Penggalakan proses membuat keputusan kerajaan yang berkesan*
- (g) *Penggalakan pengendalian hal ehwal awam yang berkesan*

Pengecualian utama bagi tujuan untuk mempromosi tindak laku kegiatan pihak berkuasa yang efektif adalah: maklumat yang sekiranya didedahkan boleh mendatangkan prejudis bagi pihak berkuasa, pentadbiran keadilan, dan pelaksanaan fungsi pengurusan; maklumat yang diperoleh melalui penyiasatan bertujuan untuk siasatan jenayah atau pelaksanaan fungsi pengurusan.

Pengecualian utama bagi tujuan untuk melindungi privasi individu adalah: maklumat yang sekiranya didedahkan akan bercanggah dengan PDPA 2010; maklumat yang sekiranya didedahkan akan melanggar kewajipan kerahsiaan oleh individu yang memberikan maklumat tersebut kepada pihak berkuasa; dan maklumat yang tertakluk pada keistimewaan perundangan profesional di bawah undang-undang am dan di bawah Akta Keterangan 1950.

Pengecualian utama bagi tujuan melindungi keselamatan negara adalah: maklumat yang dikelaskan sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dengan asas pengelasan yang penting untuk menjaga keselamatan negara; maklumat yang sekiranya didedahkan akan membina prejudis terhadap pertahanan Malaysia atau keupayaan, keberkesanan, dan keselamatan pasukan-pasukan yang berkaitan.

Pengecualian utama bagi tujuan melindungi kepentingan rahsia komersial adalah: maklumat yang mengandungi rahsia perdagangan atau pendedaannya boleh mendatangkan kemudatan bagi kepentingan komersial seseorang sekiranya diberitahu kepada pihak berkuasa; maklumat yang sekiranya didedahkan boleh menjadi pelanggaran kewajipan kerahsiaan oleh individu yang berkongsi maklumat tersebut kepada pihak berkuasa.

Pengecualian utama bagi tujuan melindungi masyarakat awam dan keselamatan individu adalah maklumat yang sekiranya didedahkan boleh membahayakan kesihatan mental dan fizikal, atau keselamatan seseorang.

Pengecualian utama bagi tujuan mempromosi proses membuat keputusan dalam masyarakat adalah: maklumat yang sekiranya didedahkan boleh menghalang pembentukan polisi kerajaan, menghalang komunikasi kementerian, atau menghalang nasihat perundangan oleh Peguam Negara yang efektif; maklumat yang sekiranya didedahkan boleh mendatangkan prejudis terhadap tanggungjawab kolektif bagi kabinet, maklumat yang sekiranya didedahkan boleh menghalang peruntukan nasihat dan pertukaran pandangan dalam kabinet; atau prejudis terhadap tindakan dalam urusan awam; maklumat yang sekiranya didedahkan boleh menghalang peruntukan nasihat dari pemerintah berdaulat; maklumat yang sekiranya didedahkan boleh mencabuli keistimewaan parlimen; dan maklumat yang sekiranya didedahkan boleh menghalang fungsi pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk mengaudit dan memeriksa keberkesanan pihak berkuasa awam yang lain.

Pengecualian utama bagi tujuan untuk mempromosi tindak laku urusan awam yang efektif adalah: maklumat yang berpotensi mewujudkan hubungan prejudis antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, atau antara kerajaan negeri; maklumat yang sekiranya

didedahkan boleh mendatangkan prejudis terhadap hubungan antarabangsa Malaysia; maklumat yang sekiranya didedahkan boleh mendatangkan prejudis pada kepentingan ekonomi Malaysia.

Interaksi dengan Pengelasan di bawah OSA

Dalam kes penolakan dengan alasan pengelasan, syarat-syarat berkenaan perlu dikuatkuasakan melalui mekanisme yang terpisah secara formal, namun secara substantifnya serupa, bagi menilai pengelasan tersebut. Pemisahan formal ini penting dan wajar, kerana maklumat mungkin dikelaskan sebelum permintaan dan, merupakan pelaksanaan kuasa di bawah OSA berbanding FOIA. Selari dengan itu, turut dicadangkan di bawah agar kuasa untuk mengelaskan dikenakan beberapa had, dan penerapannya juga tertakluk pada ujian tiga-bahagian dan semakan oleh pihak Suruhanjaya.

Pembetulan Undang-Undang

Suruhanjaya Maklumat

Sebermula, pemantauan terhadap kepatuhan pihak berkuasa ke atas Akta dan pemakaian pengecualian diamanahkan kepada Suruhanjaya Maklumat. Walaupun beberapa bidang kuasa, seperti di UK, menggabungkan peranan tersebut dengan tanggungjawab terhadap undang-undang kebebasan maklumat dan undang-undang perlindungan data, Suruhanjaya Perlindungan Data (Suruhanjaya PDP) sedia ada yang dibentuk melalui Akta Perlindungan Data 2010 tidak sesuai bagi peranan tersebut. Dari sudut undang-undang dan amalan, ia tidak mempunyai kebebasan yang mencukupi daripada pengaruh kerajaan untuk memantau pelaksanaan undang-undang hak mendapatkan maklumat dengan berkesan.

Sebaliknya, tugas pemantauan ini harus dijalankan oleh Suruhanjaya Maklumat, terdiri daripada 5 orang Pesuruhjaya, yang membuat keputusan melalui 3 Suruhanjaya bagi setiap panel, termasuklah Pengerusi dan Naib Pengerusi yang mengetuai panel tersebut. Setiap pelantikan hendaklah diluluskan oleh Dewan Rakyat, yang bertanggungjawab untuk menyenaraikan beberapa orang calon, untuk kemudiannya dilantik oleh Menteri sebagai Pesuruhjaya.

Pengerusi dan Naib Pengerusi seharusnya mempunyai kelayakan yang setara seperti hakim mahkamah tinggi, i.e sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman sebagai peguam atau peguamcara, anggota perkhidmatan undang-undang dan badan kehakiman di peringkat persekutuan, dan/atau perkhidmatan undang-undang di peringkat negeri. Bagi memastikan latar yang pelbagai bagi anggota Suruhanjaya yang lain, senarai calon yang dicadangkan oleh

Dewan Rakyat haruslah menyertakan seorang calon daripada kategori berikut: ahli akademik; seseorang yang berpengalaman dalam bidang penerbitan atau media; dan seorang yang mempunyai latar belakang masyarakat sivil.

Rayuan Terhadap Keputusan

Di bawah Akta FOI, Suruhanjaya akan bertanggungjawab untuk mendengar rayuan terhadap keputusan terhadap penguatkuasa awam berkenaan dengan permohonan di bawah Akta. Hal ini termasuk rayuan terhadap keputusan bahawa sesuatu maklumat yang dimohon adalah dikecualikan dan rayuan terhadap rasa tidak puas hati dengan pelaksanaan tanggungjawab untuk mendedahkan maklumat.

Rayuan akan dibuat dalam bentuk perbicaraan *de novo*, di mana Suruhanjaya perlu membuat keputusan baru sama ada sesuatu pengecualian terpakai pada maklumat yang berkenaan. Ini memandangkan Suruhanjaya perlu memainkan peranan sebagai penguatkuasa dan tidak terus akur kepada keputusan penguatkuasa awam. Justeru, penguatkuasa awam harus membentangkan segala bukti bagi menjustifikasi keputusan mereka kepada pihak Suruhanjaya. Hal ini kerana sungguhpun undang-undang tidak mewajibkan pihak penguatkuasa menyerahkan semua bukti, ia sebenarnya adalah selari dengan kepentingan mereka untuk berbuat demikian. Sekiranya tidak berbuat demikian, Suruhanjaya tidak akan mempunyai akses kepada maklumat yang diambil kira oleh penguatkuasa dalam membuat keputusan mereka, dan oleh itu, Suruhanjaya tidak akan mampu membuat keputusan yang meyakinkan untuk mengecualikan sesuatu maklumat daripada didedahkan.

Bagi memastikan penguatkuasa awam tidak boleh menghalang fungsi hakiki Suruhanjaya, maka Suruhanjaya seharusnya mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah agar bukti-bukti dikemukakan dan, sekiranya perlu, saksi untuk dipanggil. Ketidakpatuhan terhadap perintah Suruhanjaya boleh dihukum seperti menghina mahkamah, yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi selepas Suruhanjaya memperakukan ketidakpatuhan itu secara bertulis kepada Mahkamah Tinggi yang berkaitan.

Mekanisme terakhir yang berperanan menyokong penentuan sesuatu permohonan adalah semakan kehakiman. Semakan kehakiman bukanlah rayuan, dan penguatkuasa awam (sama ada sebagai pemohon atau pihak pencelah) dihalang daripada mengemukakan maklumat tambahan untuk menghujahkan sesuatu maklumat itu terlibat dalam pengecualian. Sebaliknya, asas fakta bagi keputusan mahkamah adalah berdasarkan bukti yang dikemukakan kepada Suruhanjaya.

Berbeza dengan rayuan *de novo* kepada Suruhanjaya, semakan kehakiman menumpukan kepada upaya membetulkan kesilapan undang-undang, dan membolehkan mahkamah membuat tafsiran autoritatif terhadap undang-undang. Oleh kerana kuasa semakan kehakiman adalah sebahagian daripada bidang kuasa Mahkamah Tinggi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan ke atas badan-badan pentadbiran, maka ia tidak perlu disebutkan di dalam Akta.

Kebebasan Kewangan

Akhir sekali, adalah penting bagi dana Suruhanjaya tersebut wujud secara mandiri dan memadai bagi menghilangkan segala insentif tidak baik supaya Suruhanjaya boleh bertindak memberati pihak eksekutif. Mekanisme utama yang boleh disertakan dalam undang-undang adalah dengan memastikan dana Parlimen disalurkan setiap lima tahun, agar ianya diletakkan di luar kerangka motivasi politik dalam kalangan Ahli Parlimen atau kerajaan.

Sebagai tambahan, harus disebutkan bahawa sungguhpun Suruhanjaya PDP sekarang tidak mempunyai ciri-ciri untuk bertindak sebagai sebuah Suruhanjaya Maklumat yang efektif, wujud potensi untuk meningkatkan kestabilan kewangan Suruhanjaya sekiranya penambahbaikan jaminan-kebebasan kepada Suruhanjaya PDP yang dicadangkan oleh Pusat ini diterima. Dalam situasi ini, gabungan peranan Suruhanjaya Maklumat dan Suruhanjaya PDP lebih bermanfaat kerana pendapatan daripada yuran perlindungan data serta tindakan penguatkuasaan perlindungan data berperanan sebagai subsidi-silang untuk fungsi-fungsi badan terbabit berhubung hak untuk mendapatkan maklumat.¹¹

Penambahbaikan Akta Rahsia Rasmi

Menghadkan Seksyen 2B

Bagi melaraskan OSA dengan cadangan FOIA, kuasa pengelasan harus dihadkan dan diserasikan dengan prinsip hak mendapatkan maklumat. Dalam hal ini, maklumat hanya boleh dikelaskan, dan secara awalnya disekat daripada didedah, sekiranya ianya sejajar dengan matlamat sah untuk keselamatan negara dan melindungi masyarakat dan keselamatan individu. Dalam semua keadaan, pengelasan rasmi maklumat harus menyatakan

¹¹ Perubahan relevan dibuat dalam cadangan pembaharuan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi mengambil kira cadangan dalam Laporan ini. Perubahan ini mampu mengaitkan prosedur membuat keputusan berkenaan dengan dasar perlindungan data untuk membantu bergerak dari Suruhanjaya PDP tunggal kepada gabungan fungsi Suruhanjaya Maklumat yang terdiri daripada beberapa orang ahli. Antara pilihan yang boleh dibuat adalah untuk meletakkan kuasa bagi membuat keputusan kepada Pengerusi, atau berdasarkan undian majoriti dalam Suruhanjaya. Oleh kerana banyak pertindihan dalam perkara yang tertakluk dalam undang-undang maklumat, tidak perlu sebarang perubahan tambahan untuk cadangan prosedur bagi pemilihan Suruhanjaya.

kemudahan yang dijangkakan sekiranya maklumat tersebut tidak dikelaskan dan harus diisytiharkan bahawa kepentingan awam melalui pengelasan maklumat adalah lebih tinggi daripada kepentingan awam untuk membenarkan maklumat tersebut tertakluk pada kebebasan permohonan maklumat.

Maklumat- maklumat tersebut, i.e. matlamat sah, perincian kemudahan, dan kepentingan awam, harus dicatat pada pensijilan pengelasan, dan ianya sendiri tidak boleh terikat kepada pengelasan. Sebaliknya, setiap pensijilan hanya boleh dikecualikan berdasarkan melalui penilaian setiap kes dan harus memenuhi syarat ujian tiga-bahagian bagi setiap permintaan untuk pendedahan maklumat.

Seterusnya, pengelasan hanyalah menjadi bidang kuasa Menteri, Ketua Menteri, dan Menteri Besar. Berdasarkan prinsip undang-undang pentadbiran, keputusan boleh dibuat untuk menyerahkan kuasa tersebut kepada pegawai bawahan. Namun, berbeza dengan perangkaan seksyen 2B, peralihan kuasa tersebut tidak boleh dibuat secara *in toto* kepada pegawai lain, dan setiap sijil pengelasan harus di bawah tanggungjawab pegawai yang diberikan kuasanya oleh undang-undang, dan boleh dipertanggungjawabkan atas pengelasan yang dibuat.¹²

Membenarkan Rayuan untuk Kuasa Pengelasan

Pengelasan maklumat juga seharusnya tertakluk kepada rayuan di hadapan Suruhanjaya Maklumat sepertimana terpakai bagi keputusan permohonan maklumat. Secara praktis, kebanyakan rayuan akan timbul apabila permohonan terhadap maklumat ditolak berdasarkan pengelasan sesuatu maklumat.

Sepertimana rayuan bagi keputusan sesuatu permohonan, Suruhanjaya perlu membuat keputusan baharu bagi menentukan pensijilan yang terlibat, dan hal ini memerlukan penguatkuasa awam untuk mengemukakan bukti yang mencukupi di hadapan Suruhanjaya bagi menjustifikasikan pengelasan tersebut. Sepertimana rayuan yang lain juga, keputusan Suruhanjaya terhadap rayuan yang dibuat tertakluk pada semakan kehakiman.

Selaras dengan itu, seksyen 16A yang ada harus dimansuhkan digantikan dengan seksyen yang hanya menyatakan sijil yang bertujuan sebagai sijil pengelasan di bawah seksyen 2B

¹² Lihat *Carltona v Commissioners of Works* [1943] 2 All ER 560 (CA) dan, untuk Malaysia, e.g., *Balakrishnan v Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia* [1981] 2 MLJ 25 (FC).

harus dianggap sebagai sijil seperti mana yang dikemukakan. Peruntukan ini boleh membantu prosiding undang-undang berkaitan dengan sijil tersebut dan merupakan suatu hal di bawah undang-undang keterangan, daripada sekadar sebagai peruntukan substantif bagi menyingkir bidang kuasa Suruhanjaya atau mahkamah.¹³

Pindaan terhadap Kanun Keseksaan bagi Membantu Pemberi Maklumat

Pindaan terakhir yang seharusnya dibuat sebagai sebahagian daripada Akta Hak Mendapatkan Maklumat adalah dengan menyertakan pembelaan statut pendedahan bagi kepentingan awam dalam seksyen 8 OSA, dan seksyen 203A Kanun Keseksaan.

Bagi kedua-dua kes, hal ini dapat dibuat dengan menyertakan satu subseksyen yang menyatakan seseorang tidak boleh dipertanggungjawabkan di bawah seksyen jika dia bertindak di bawah kepercayaan munasabah bahawa dia bertindak demi kepentingan awam berdasarkan kandungan maklumat yang terlibat. Apa yang penting, kepercayaan tersebut haruslah 'munasabah', yang memerlukan pengaplikasian kriteria luaran yang objektif, berbanding dengan hanya tertumpu pada tindakan atau keadaan mental tertuduh.

¹³ Lihat seksyen 25 FOIA UK.

Lampiran 1:

**TEKS PERUNDANGAN
YANG DICADANGKAN
BAGI AKTA HAK
MENDAPATKAN
MAKLUMAT (RTIA) DI
MALAYSIA (DRAF BIL
MODEL CSO
NOVEMBER 2019)**

TOP SECRET
CONFIDENTIAL
CLASSIFIED

Mewujudkan Hak untuk Mendapatkan Maklumat

Mukadimah

Enakmen ini diwujudkan bagi hak untuk mengakses maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa awam; bagi mewujudkan hak untuk mengakses maklumat tanpa pengecualian khusus dan terhad; bagi menyediakan mekanisme bebas bagi semakan keputusan mengenai pendedahan maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa awam, dan untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi memastikan keserasiannya dengan hak untuk mengakses maklumat.

Mengiktiraf hak untuk mengakses sebagai sesuatu yang penting terhadap demokrasi partisipatori, ketelusan, akauntabiliti, dan kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Hak Akses untuk Mendapatkan Maklumat

Seksyen 1: Tujuan dan Aplikasi

- (1) *Tujuan Akta ini adalah untuk mewujudkan hak untuk mengakses maklumat, di mana:*
 - *orang awam berhak mendapat maklumat yang diwujudkan dan dimiliki oleh pihak berkuasa awam;*
 - *Pihak berkuasa awam adalah, apabila diminta berbuat demikian, menjadi satu kewajipan untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada umum tidak tertakluk kepada kelayakan seperti yang diperuntukkan oleh Akta ini*
- (2) *Kelayakan bagi hak untuk mengakses maklumat di bawah Akta ini hendaklah dibaca selaras dengan tujuan am dalam subseksyen (1) dan, mestilah khusus, terhad, dan berasas.*
- (3) *Peruntukan Akta ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa pertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain, dan oleh itu, sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan atau percanggahan antara peruntukan Akta ini dan undang-undang bertulis lain itu, peruntukan Akta ini akan kekal.*

Seksyen 2: Hak untuk mengakses maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa awam

- (1) *Mana-mana orang yang memohon maklumat daripada pihak berkuasa awam berhak—*
 - *(a) untuk dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa awam sama ada ia mempunyai maklumat berdasarkan perihalan yang dinyatakan dalam permohonan tersebut, dan*
 - *(b) jika demikian keadaannya, maklumat tersebut perlu disampaikan kepadanya.*
- (2) *Subseksyen 1 tidak terpakai bagi maklumat yang boleh diakses secara munasabah selain di bawah subseksyen (1).*
- (3) *Jika subseksyen (2) terpakai, pihak berkuasa awam hendaklah, dalam masa tujuh hari, memaklumkan kepada orang yang memohon, dan menyatakan, di mana maklumat yang dimohon, boleh diakses.*
- (4) *Subseksyen 1 tidak terpakai bagi maklumat yang berikut*

- (a) maklumat itu dimiliki oleh pihak berkuasa awam dengan tujuan untuk penerbitan, oleh pihak berkuasa tersebut atau mana-mana pihak lain, pada tarikh akan datang (sama ada ditentukan atau tidak),
 - (b) maklumat itu telah pun dimiliki dengan tujuan untuk penerbitan pada masa permohonan untuk maklumat dibuat, dan;
 - (c) adalah munasabah dalam semua keadaan bahawa maklumat itu harus disimpan daripada didedahkan sehingga tarikh yang disebut dalam perenggan (a).
- (5) Jika subseksyen (4) terpakai, pihak berkuasa awam hendaklah, dalam masa tujuh hari:
- (a) memaklumkan orang yang memohon mengenai hal berikut (mana-mana yang terpakai):
 - (b) jika tarikh penerbitan maklumat itu telah ditentukan, dan maklumat yang mana yang akan diterbitkan pada tarikh tersebut; dan
 - (c) jika tarikh penyiaran maklumat itu belum ditentukan, sebab-sebab ketiadaan penentuan sedemikian, dan maklumat mana yang akan diterbitkan.
- (6) Jika suatu permohonan telah dibuat bagi maklumat yang tidak dikecualikan daripada subseksyen 1, pihak berkuasa awam hendaklah menyampaikan maklumat yang berkaitan kepada orang yang memohon dalam masa tiga puluh hari.

Seksyen 3: Kesan pengecualian

- (1) Berkenaan dengan apa-apa maklumat yang menjadi maklumat yang dikecualikan di bawah mana-mana peruntukan Bahagian II, seksyen 2(1)(a) tidak terpakai jika:
- (a) pengecualiannya akan dibenarkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam subseksyen 3;
 - (b) pendedahannya akan menyebabkan kemudaratannya yang serius kepada matlamat yang berkaitan; dan
 - (c) kepentingan awam dalam mengecualikan maklumat dalam seksyen 2(1)(a) melebihi kepentingan awam dalam mendedahkan di mana pihak berkuasa awam yang berkaitan memegang maklumat daripada perihalan yang dinyatakan dalam permohonan tersebut.
- (2) Berkenaan dengan apa-apa maklumat yang boleh dikecualikan maklumat oleh mana-mana peruntukan Bahagian II, seksyen 2(1)(b) tidak terpakai jika:
- (a) pengecualiannya akan dibenarkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam subseksyen 3;
 - (b) pendedahannya akan menyebabkan kemudaratannya yang serius kepada matlamat yang berkaitan; dan
 - (c) kepentingan awam dalam mengecualikan maklumat daripada seksyen 2(1)(a) melebihi kepentingan awam dalam mendedahkan maklumat tersebut;
- (3) Bagi seksyen ini, matlamat sah yang boleh mewajarkan pengecualian daripada seksyen 2(1)(a) atau seksyen 2(1)(b) di bawah mana-mana peruntukan Bahagian II ialah:
- (a) Kegiatan efektif penguatkuasaan undang-undang;
 - (b) Perlindungan privasi individu;
 - (c) Perlindungan keselamatan negara;
 - (d) Perlindungan kesulitan dan kerahsiaan komersial;
 - (e) Perlindungan keselamatan awam atau individu;
 - (f) Penggalakan proses membuat keputusan kerajaan yang berkesan
 - (g) Penggalakan pengendalian berkesan hal ehwal awam
- (4) Jika pihak berkuasa awam menolak permohonan untuk mendapatkan maklumat atas dasar ia dikecualikan daripada seksyen 2(1)(a) atau seksyen 2(1)(b) di bawah mana-mana

peruntukan Bahagian II, pihak berkuasa awam itu hendaklah, dalam tempoh lima belas hari permohonan:

- (a) nyatakan matlamat yang sah bagi pengecualian itu;
- (b) nyatakan jangkaan kemudaratan bagi matlamat sah yang akan ditimbulkan oleh maklumat tersebut, atau sama ada pihak berkuasa awam memegang maklumat seperti yang dinyatakan dalam permohonan tersebut, didedahkan; dan
- (c) mengisytiharkan bahawa kemudaratan sedemikian akan mengatasi kepentingan awam dalam mendedahkan maklumat tersebut atau sama ada pihak berkuasa awam memegang maklumat seperti yang dinyatakan dalam permohonan tersebut.

Pengecualian

Seksyen 4: Keselamatan dan Pertahanan Negara

(1) Seksyen ini hanya terpakai sekiranya pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu bagi melindungi keselamatan negara.

(2) Maklumat adalah dikecualikan daripada pendedahan di bawah seksyen 2 jika pendedahannya akan menyebabkan kemudaratan yang besar kepada keselamatan atau pertahanan Negara.

(3) Bagi seksyen ini, maklumat yang pendedahannya boleh menyebabkan prejudis yang besar kepada keselamatan atau pertahanan Negara termasuk:

- (a) taktik atau strategi ketenteraan atau latihan atau operasi ketenteraan yang dijalankan sebagai persediaan menghadapi serangan musuh atau hubungan dengan pengesanan, pencegahan, penindasan, atau pengurangan aktiviti subversif atau permusuhan, seperti:
 - (i) serangan terhadap Negara oleh kuasa asing;
 - (ii) tindakan sabotaj atau keganasan yang ditujukan kepada rakyat Negara ini atau aset strategik Negara, sama ada di dalam atau di luar Negara; atau
 - (iii) operasi risikan asing/ oleh musuh; atau
- (b) kecerdasan atau teknologi yang berkaitan dengan:
 - (i) pertahanan Negara; atau
 - (ii) pengesanan, pencegahan, penindasan, atau pengurangan aktiviti subversif atau permusuhan; atau
- (c) kaedah, dan peralatan saintifik atau teknikal bagi, mengumpul, menilai atau mengendalikan maklumat yang disebutkan dalam subseksyen (b); atau
- (d) identiti sumber sulit; atau
- (e) kuantiti, ciri-ciri, keupayaan, kelemahan, atau penggunaan apa-apa yang direka, dibangunkan, dihasilkan, atau dipertimbangkan untuk digunakan sebagai senjata atau peralatan lain, tidak termasuk senjata nuklear.

Seksyen 5: Penggalakan pengendalian berkesan hal ehwal awam

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu untuk menggalakkan pengendalian berkesan hal ehwal awam.

(2) Maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan menyebabkan kemudaratan yang besar kepada hubungan antarabangsa Malaysia.

(3) Dalam menentukan sama ada pengecualian daripada seksyen 2 adalah perlu di bawah subseksyen 2, pihak berkuasa awam mesti mempertimbangkan manfaatnya terhadap

hubungan antarabangsa Malaysia daripada penggalakan akauntabiliti dan ketelusan oleh pihak berkuasa awam berkenaan.

(4) Maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan menyebabkan kemudaratan yang besar kepada kepentingan ekonomi Malaysia.

(5) Dalam menentukan sama ada pengecualian daripada seksyen 2 adalah perlu di bawah subseksyen 3, pihak berkuasa awam mesti mempertimbangkan faedah kepada ekonomi Malaysia daripada penggalakan akauntabiliti dan ketelusan oleh pihak berkuasa awam berkenaan.

(6) Seksyen ini tidak terpakai jika:

- (a) pendedahan maklumat itu berkemungkinan mendedahkan apa-apa salah laku masa lalu atau yang dijangka berlaku oleh mana-mana pihak berkuasa awam; atau
- (b) maklumat itu berkaitan dengan perbelanjaan dana awam,

Seksyen 6: Penggalakan Pembuatan Keputusan yang Berkesan

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu untuk menggalakkan pembuatan keputusan yang berkesan dalam fungsi kerajaan.

(2) Bagi seksyen ini, maklumat yang berkaitan dengan penggubalan dasar dan fungsi badan awam boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya berkemungkinan:

- (a) menyebabkan prejudis yang serius kepada penggubalan atau pembangunan dasar kerajaan yang berkesan;
- (b) secara serius menggagalkan kejayaan sesuatu dasar kerajaan dengan pendedahan awal dasar tersebut;
- (c) menjejaskan dengan ketara proses perbincangan dalam Kabinet dengan menghalang pemberian nasihat atau pertukaran pandangan yang bebas dan terus terang;
- (d) menjejaskan dengan ketara keberkesanan sesuatu prosedur ujian atau pengauditan yang digunakan oleh badan awam;
- (e) menghalang pemberian nasihat undang-undang yang diperlukan oleh Peguam Negara;

(3) Bagi seksyen ini, maklumat yang berkaitan dengan komunikasi dengan Yang di-Pertuan Agong, ketua Negeri, atau gabenor Negeri boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya berkemungkinan menghalang pemberian nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong, ketua Negeri, atau gabenor Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Bagi seksyen ini, maklumat yang pendedahannya akan mengurangkan hak-hak istimewa parlimen boleh dikecualikan daripada pendedahan oleh badan parlimen.

(5) Seksyen ini tidak terpakai jika:

- (a) pendedahan maklumat itu berkemungkinan mendedahkan apa-apa salah laku masa lalu atau yang dijangkakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam; atau
- (b) maklumat itu berkaitan dengan perbelanjaan dana awam,

Seksyen 7: Pengendalian penguatkuasaan undang-undang yang berkesan

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu bagi menjalankan kegiatan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan.

(2) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan jika pendedahannya akan menyebabkan prejudis yang besar kepada:

- (a) pengesanan dan pencegahan jenayah;
- (b) pendakwaan pesalah;
- (c) pentadbiran keadilan;
- (d) taksiran atau pungutan apa-apa cukai atau duti; atau
- (e) penilaian oleh badan awam terhadap prosiding institusi sivil atau jenayah, atau pelaksanaan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah mana-mana enakmen yang berkaitan dengan kegiatan kawal selia.

Seksyen 8: Perlindungan keselamatan awam dan individu

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu untuk melindungi keselamatan individu dan awam.

(2) Untuk seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan jika pendedahannya ialah:

- (a) berkemungkinan membahayakan kesihatan fizikal atau mental seseorang individu, atau
- (b) membahayakan keselamatan mana-mana individu.

Seksyen 9: Perlindungan kerahsiaan komersial

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu untuk melindungi kerahsiaan komersial.

(2) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan memudaratkan kepentingan komersial orang yang memberikan maklumat itu kepada pihak berkuasa awam.

(3) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan membentuk pecah amanah yang boleh diambil tindakan oleh orang yang mendedahkannya kepada pihak berkuasa awam.

(4) Seksyen ini tidak terpakai jika:

- (a) pendedahan maklumat itu berkemungkinan mendedahkan apa-apa salah laku masa lalu atau yang dijangkakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam; atau
- (b) maklumat itu berkaitan dengan perbelanjaan dana awam.

(5) Jika subseksyen 4 terpakai, pihak berkuasa awam yang mendedahkan maklumat itu tidak akan bertanggungjawab atas pecah amanah.

(6) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika ia menjadi rahsia dagangan orang yang menyerahkannya kepada pihak berkuasa awam.

Seksyen 10: Perlindungan privasi

(1) Seksyen ini hanya terpakai jika pengecualian kepada seksyen 2 adalah perlu untuk melindungi privasi individu.

(2) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan melanggar peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

(3) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya akan membentuk pecah amanah yang boleh diambil tindakan oleh orang yang mendedahkannya kepada pihak berkuasa awam.

(4) Bagi seksyen ini, maklumat boleh dikecualikan daripada seksyen 2 jika pendedahannya tidak dibenarkan di bawah seksyen 126 Akta Keterangan 1950.

Bahagian 11: Maklumat Sulit

(1) Maklumat sulit di bawah seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah dikecualikan daripada seksyen 2.

Mewujudkan Suruhanjaya Maklumat

Seksyen 12: Pelantikan dan Tempoh Suruhanjaya Maklumat

(1) Kini terdapat sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dengan nama "Suruhanjaya Maklumat" dengan pengekalan ambil alih dan meterai rasmi, yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama korporatnya.

(2) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi, dan 3 Pesuruhjaya.

(3) Menteri hendaklah melantik setiap ahli Suruhanjaya daripada senarai 3 calon yang dicadangkan oleh Dewan Rakyat

(4) Dewan Rakyat hendaklah mencadangkan calon Pengerusi dan Naib Pengerusi sahaja yang;

- (a) pernah menjadi hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, atau Mahkamah Persekutuan; atau
- (b) selama sepuluh tahun sebelum pencalonan mereka telah menjadi peguam bela Mahkamah Tinggi atau mana-mana daripada mereka atau anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan undang-undang sesuatu Negeri, atau mana-mana antara keduanya dalam satu-satu tempoh masa.

(5) Dewan Rakyat hendaklah bagi tiap-tiap senarai calon yang dicadangkan untuk Pesuruhjaya termasuk calon-calon yang terkemuka dalam:

- (a) akademik;
- (b) penerbitan atau media; dan
- (c) masyarakat sivil.

(6) Seseorang yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen ini:

- (a) hendaklah bebas dan tidak memegang apa-apa jawatan politik atau jawatan dalam mana-mana parti politik.
- (b) Melainkan jika dia meletakkan jawatannya lebih awal atau pelantikannya dibatalkan lebih awal, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam watakah pelantikan.
- (c) tidak layak untuk dilantik semula.

(7) Menteri tidak mempunyai kuasa untuk melantik seseorang kecuali jika orang itu telah dicadangkan oleh Dewan Rakyat menurut subseksyen (4) dan (5).

(8) Mesyuarat Suruhanjaya hendaklah diadakan oleh Pengerusi, atau semasa ketiadaannya Naib Pengerusi, dan hendaklah terdiri daripada 3 atau 5 Pesuruhjaya termasuk Pengerusi atau Naib Pengerusi.

(9) Sesuatu keputusan dalam mesyuarat Suruhanjaya hendaklah diterima pakai oleh majoriti mudah ahli Suruhanjaya yang membentuk mesyuarat itu.

Seksyen 13: Rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa awam

(1) Mana-mana orang yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan maklumat dan:

- (a) tidak berpuas hati dengan penolakan pihak berkuasa awam terhadap permohonan itu kerana ia dikecualikan daripada seksyen 2(1);
- (b) tidak berpuas hati dengan cara pendedahan maklumat yang dimohon atau berpandangan bahawa maklumat yang diberikan itu tidak lengkap, tidak betul, atau mengelirukan atau tidak sepadan dengan permintaan dalam permohonannya;
- (c) tidak menerima maklumat dalam tempoh yang ditetapkan; atau
- (d) sebaliknya terkilan dalam apa-apa cara lain yang berkaitan dengan pemohon akses kepada maklumat di bawah Akta ini,

Hendaklah, dalam masa 21 hari dari tarikh penerimaan notis yang memaklumkan mereka tentang keputusan tersebut, merayu terhadap keputusan tersebut kepada Suruhanjaya Maklumat.

(2) Jika rayuan dibuat di bawah subseksyen 1(a), Suruhanjaya:

- (a) hendaklah menentukan sama ada maklumat itu dikecualikan daripada seksyen 2(1);
- (b) boleh meminta pihak berkuasa awam yang dirayu untuk memberikan alasannya untuk menolak permohonan maklumat itu; dan
- (c) boleh meminta orang yang memohon untuk memberikan sebabnya mengapa maklumat itu, atau maklumat sama ada maklumat pihak berkuasa awam seperti yang dinyatakan dalam permintaan itu, harus didedahkan demi kepentingan awam.

(3) Dalam menentukan rayuan di bawah subseksyen 1, Suruhanjaya boleh mengeluarkan perintah yang menghendaki pengemukakan bukti dan mengkehendaki saksi bagi memberi keterangan.

(4) Jika Suruhanjaya membenarkan rayuan di bawah subseksyen 1, ia boleh membuat apa-apa keputusan terbuka kepada pihak berkuasa awam untuk memenuhi permohonan maklumat tersebut.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati dengan ketidakpatuhan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 3, ia boleh memperakukan ketidakpatuhan itu secara bertulis kepada Mahkamah Tinggi yang berkaitan.

(6) Jika kegagalan untuk mematuhi diperakukan di bawah subseksyen (5), mahkamah boleh menyiasat perkara itu dan, selepas mendengar mana-mana saksi yang boleh dikemukakan terhadap atau bagi pihak orang yang tidak mematuhi perintah itu, dan selepas mendengar apa-apa pernyataan yang mungkin diberikan sebagai pembelaan, berurusan dengan orang yang tidak mematuhi perintah itu seolah-olah mereka menghina mahkamah.

Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972

Seksyen 14: Mengehadkan keluasan kuasa pengelasan

Akta Rahsia Rasmi 1972, yang dalam Akta ini dirujuk sebagai 'Akta Utama,' dengan ini dipinda kepada:

- (a) dalam seksyen 2, selepas "'rahsia rasmi" bermaksud,' menghapuskan 'mana-mana dokumen yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berkaitan dengannya dan';
- (b) menghapuskan seksyen 2A;
- (c) menghapuskan Jadual; dan
- (d) menghapuskan seksyen 16A.

Seksyen 15: Kuasa untuk menjadikan matlamat yang dinyatakan dan sah sebagai sulit

(2) Seksyen 2B Akta Utama dipinda dengan menggantikan teks semasa dengan yang berikut:
"(1) Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melalui perakuan di bawah kuasanya untuk mengklasifikasikan apa-apa maklumat sebagai "Rahsia Besar," "Rahsia," "Sulit," atau "Terhad," mengikut mana-mana yang berkenaan. mungkin.

(2) Maklumat hanya boleh dikelaskan sebagai sulit di bawah subseksyen 1 jika:

- (a) penyulitannya dibenarkan oleh tujuan yang dinyatakan dalam subseksyen 3;
- (b) penyahsulitan akan menyebabkan kemudaratan yang serius kepada matlamat yang berkaitan; dan
- (c) kepentingan awam dalam menyulitkan maklumat melebihi kepentingan maklumat yang tidak disulitkan.

(3) Bagi seksyen ini, matlamat sah yang boleh mewajarkan penyulitan maklumat ialah:

- (a) perlindungan keselamatan negara; dan
- (b) perlindungan keselamatan awam atau individu;

(4) Suatu perakuan bagi penyulitan dokumen, maklumat atau bahan di bawah subseksyen 1 mestilah:

- (a) menyatakan matlamat yang sah bagi pengecualian itu;
- (b) menyatakan kemudaratan yang dijangkakan kepada matlamat sah yang akan berlaku jika dokumen, maklumat atau bahan tidak disulitkan; dan
- (c) mengisytiharkan bahawa kemudaratan akan melebihi kepentingan awam dalam tidak menyulitkan dokumen, maklumat atau bahan."

Seksyen 16: Rayuan terhadap keputusan untuk menyulitkan maklumat

Akta Utama dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2C dengan seksyen baharu 2D yang berikut:

“Rayuan 2D kepada Pesuruhjaya Maklumat

(1) Jika perakuan telah dikeluarkan di bawah seksyen 2B, seseorang yang memohon maklumat di bawah seksyen 2 Akta Hak untuk Mendapatkan Maklumat 2021 terjejas oleh pengeluaran perakuan itu boleh merayu kepada Suruhanjaya Maklumat mencabar perakuan tersebut.

(2) Dalam rayuan di bawah subseksyen 1, orang yang mengeluarkan perakuan itu hendaklah mengemukakan perakuan tersebut di hadapan Suruhanjaya dan maklumat yang berkaitan dengan perakuan itu.

(3) Jika dalam rayuan di bawah subseksyen 1 Suruhanjaya mendapati kehendak subseksyen 2 tidak dipenuhi, Suruhanjaya boleh membenarkan rayuan itu dan membatalkan perakuan tersebut.

(4) Dalam menentukan rayuan di bawah subseksyen 1, Suruhanjaya boleh mengeluarkan perintah yang menghendaki pengemukaan bukti dan menghendaki sakti untuk memberi keterangan.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati dengan ketidakpatuhan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 3, ia boleh memperakukan ketidakpatuhan itu secara bertulis kepada Mahkamah Tinggi yang berkaitan.

(6) Jika terdapat kegagalan pematuhan diperakukan di bawah subseksyen (5), mahkamah boleh menyiasat perkara tersebut dan, selepas mendengar mana-mana saksi yang boleh dikemukakan terhadap atau bagi pihak orang yang tidak mematuhi perintah tersebut, dan selepas mendengar apa-apa pernyataan yang mungkin ditawarkan sebagai pembelaan, berurusan dengan orang yang tidak mematuhi perintah itu seolah-olah mereka telah melakukan penghinaan terhadap mahkamah.”

Seksyen 17: Memasukkan Peruntukan Tafsiran

Akta Utama dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1(3) dengan seksyen baharu 1(4) berikut:

“(4) Akta ini hendaklah ditafsirkan mengikut Akta Hak untuk Mendapatkan Maklumat 2021 dan hak substantif untuk mengakses maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa awam yang diwujudkan di dalamnya.”

Pindaan kepada Peruntukan Jenayah

Seksyen 18: Pindaan kepada seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta Utama dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8(2) dengan subseksyen 3 baharu yang berikut:

"(3) Seseorang tidak boleh dipertanggung di bawah subseksyen (1)(ii) atau subseksyen (1)(iii) jika dia bertindak di bawah kepercayaan munasabah bahawa dia bertindak demi kepentingan awam."

Seksyen 19: Pindaan kepada seksyen 203A Kanun Keseksaan

Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 203A(2) dengan subseksyen baharu (3) berikut:

"(3) Seseorang tidak akan dipertanggung di bawah seksyen ini jika dia bertindak di bawah kepercayaan munasabah bahawa dia bertindak demi kepentingan awam."



E-mel: cijmalaysia@gmail.com

Laman web: <https://cijmalaysia.net>

Facebook: <https://www.facebook.com/CIJ.MY>

Twitter: https://twitter.com/CIJ_Malaysia

Instagram: https://www.instagram.com/cij_malaysia

YouTube: <https://www.youtube.com/cijmalaysia>